

NO. SOALAN: 318

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah bagi memastikan pelaksanaan sistem dan hukumannya menepati kehendak syariat Islam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana jawapan saya beberapa kali di Dewan ini, sesungguhnya usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Justeru Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang Syariah dapat dilaksanakan melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Kerajaan bercadang untuk **mewujudkan lima peringkat mahkamah Syariah** di negara ini iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Pada masa ini Kerajaan sedang dan terus menjalankan rundingan dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan pandangan dan pertimbangan, memandangkan perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Dalam erti kata lain, peningkatan Mahkamah Syariah hanya akan dapat diteruskan sehingga semua Majlis Agama Islam Negeri-negeri bersetuju dengan cadangan tersebut,

Bagi memastikan pelaksanaan sistem dan hukuman Mahkamah Syariah menepati kehendak syariat Islam, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memperbaiki undang-undang Islam sedia ada termasuklah hukuman terhadap pesalah undang-undang jenayah Syariah dan mengharmonikan undang-undang sedia ada supaya selaras dengan Syariah Islam.

Sekian, terima kasih.